



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**JURUTERA KERJA (B.3)
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**JURUTERA KERJA
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Struktur atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Jurutera atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

- d) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Jurutera atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- e) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.
2. Mempunyai keahlian *Institution of Civil Engineers (MICE) (United Kingdom)*, *Institution of Mechanical Engineers (MIMechE)* adalah kelebihan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaporkan diri kepada Pengarah Penerbangan Awam mengenai pengurusan Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang;
2. Mengurus dan mentadbir Pegawai dan Kakitangan Bahagian Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang;
3. Merancang perkembangan dan kemajuan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemeliharaan infrastruktur Lapangan Terbang, landskap dan kenderaan termasuk kenderaan Bomba Lapangan Terbang;
4. Memastikan *Serviceability / Availability* infrastruktur Lapangan Terbang, Landskap dan Kenderaan Bomba Lapangan Terbang di atas tahap yang dikehendaki melalui sasaran dan peraturan *International Civil Aviation Organization (ICAO) Annex 14 dan Annex 17*;
5. Menyediakan laporan teknikal termasuk laporan bulanan '*Performance Indicator*' mengenai dengan infrastruktur landskap dan kenderaan;
6. Menyediakan dokumen tawaran dan membuat sokongan penilaian terhadap tawaran berkenaan;
7. Merancang dan mengawasi kerja-kerja dan projek tahunan dan rancangan Lapangan Terbang demi memenuhi kehendak Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (*ICAO*) dan meningkatkan taraf perkhidmatan Jabatan;
8. Merancang dan menyediakan kehendak peruntukan kewangan bagi peruntukan tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN);
9. Merancang dan menyusun latihan-latihan bagi Pegawai dan Kakitangan;
10. Merancang penyusunan dan produktiviti sumber kemajuan kebendaan dan tenaga manusia bagi memenuhi kehendak Jabatan;
11. Bertanggungjawab kepada Penguasa Landasan dan Ketua-Ketua Unit di Bahagian Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang;
12. Sentiasa berhubung dengan pihak Jabatan Kerja Raya dalam hal infrastruktur Lapangan Terbang Antarabangsa; dan
13. Sentiasa berhubung dengan pihak Jabatan Pertanian dalam hal pemeliharaan landskap.